



PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 5/1974

Bayaran Pejabat Untuk Surat Sumpah (Ikrar)

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memastikan Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah, tentang mengenakan bayaran pejabat untuk Surat Sumpah.

2. Kebanyakan Peraturan Tanah Negeri mengandungi peruntukan untuk kutipan bayaran pejabat bagi Surat Sumpah iaitu apabila sesuatu Surat Sumpah itu hendak difailkan di Pejabat Pendaftaran untuk dijadikan rekod yang kekal. Surat Sumpah adalah difailkan untuk menjadi bukti di dalam kes-kes yang berikut:

- (a) bukti bahawa pemberi surat kuasa (P.A.) masih hidup – menurut peruntukan seksyen 311 dan 302 Kanun Tanah Negara;
- (b) bukti bahawa suratan hakmilik sudah hilang ataupun musnah;
- (c) bukti bahawa perubahan nama sudah berlaku.

3. Adalah difikirkan bahawa Surat Sumpah yang dikemukakan sebagai menyokong permohonan di bawah Seksyen 378 ataupun Surat Sumpah yang diserahkan bersama-sama Borang 198 Kanun Tanah Negara, tidaklah patut dikenakan bayaran pejabat yang dihuraikan di dalam peraturan tanah dengan alasan bahawa bayaran untuk membuat ingatan ataupun catatan di dalam buku daftar adalah mencukupi. Pendapat ini adalah kuat kedudukannya oleh kerana perubahan nama oleh sesuatu syarikat ataupun perbadanan adalah disempurnakan dengan menyerahkan surat keterangan atau sijil rasmi yang dianggap sebagai satu permohonan dan sijil tersebut tidak dikenakan bayaran pejabat, tetapi hanya dikenakan bayaran untuk membuat ingatan di bawah seksyen 378.

4. Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan bahawa bayaran pejabat untuk surat sumpah yang diserahkan mengikut seksyen 378 ataupun bersama-sama dengan Borang 19B Kanun Tanah Negara tidak seharusnya dikutip kerana di dalam tiap-tiap kes, surat sumpah tersebut tidak difailkan bagi maksud rujukan, tetapi difailkan sebagai dokumen yang memberi kuasa untuk membuat ingatan di dalam buku daftar.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 064

Kuala Lumpur,
Februari, 1974.